

# Konsortium di USIM medium percambahan idea kalangan IPTI

NILAI, Selasa — Penubuhan konsortium Institut Pengajian Tinggi bagi Kualiti Akademik dan Kemajuan Penyelidikan (i-IQRA) di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) akan menjadi medium mewujudkan percambahan idea dalam kalangan institut pengajian tinggi Islam (IPTI) di negara ini.

Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Prof Datuk Seri Dr Zaini Ujang berkata ini selari dengan objektif penubuhan Usim sendiri yang antaranya untuk mewujudkan kerjasama akademik, penyelidikan dan persidangan antara IPTI di Malaysia dan Asia Tenggara.

"Penubuhan konsortium ini juga diyakini mampu mengam-

bil peluang membangunkan penjenamaan Islam di arena antarabangsa. Setakat ini, pasaran kewangan Islam mendapat tempat di pelbagai peringkat masyarakat di seluruh dunia," katanya dalam ucapan sempena majlis pelancaran i-IQRA di Usim hari ini.

Teks ucapan Zaini dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Datuk Prof Dr Morshidi Sirat. Turut hadir Naib Canselor Usim Prof Datuk Dr Asma Ismail.

Zaini berkata melalui kerjasama serantau, konsortium ini mampu mengangkat ilmu dalam sistem pengajian tinggi Islam ke arah yang lebih baik di masa hadapan.

Beliau berkata dengan kewujudan konsortium ini, kerjasama erat dalam kalangan anggota institusi dapat diperkukuh.

Katanya kementerian itu akan sentiasa menyokong usaha mengembangkan konsortium ini demi kelangsungan pengajian Islam di peringkat pengajian tinggi agar lebih holistik dan komprehensif serta sentiasa dinamik dengan peredaran masa.

"Skim geran penyelidikan Islam sedang diteliti dan akan diperkenalkan kepada umum sebagai usaha memantapkan penyelidikan dalam konsortium ini. Skim ini bakal membuka ruang dan peluang yang lebih luas khusus kepada penyelidik IPTI," katanya. — Bernama